

Headline **Acara menarik di FRIM hari ini**
Date **11 Jun 2011**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Dlm Negeri**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **11**
Article Size **56 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **730**
PRValue **2,189**



Acara menarik di FRIM hari ini

KUALA LUMPUR 10 Jun
- Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM) akan menganjurkan program Hari Alam Sekitar bertema 'Hutan: Berkhidmat untuk Anda' di FRIM, Kepong esok.

Pelbagai acara menarik boleh disertai pengunjung seperti Eco Fun Walk yang menyediakan hadiah istimewa kepada peserta berpakaian paling kreatif yang diperbuat daripada bahan-bahan kitar semula. Acara lain ialah jualan barangan terpakai, pembukaan kaunter kitar semula, pertandingan mewarna (kanak-kanak berumur 5-8 tahun dan 9-12 tahun) dan sesi bercerita interaktif.

Selain itu, FRIM turut menawarkan Guided Nature Walk kepada tiga kumpulan pelawat pada pukul 9 pagi, 11 pagi dan 1 petang dan penerimaan penyertaan adalah berdasarkan siapa cepat dia dapat.

Maklumat lanjut boleh diperoleh dengan menghubungi Salmah di 03-6279 7577 atau di laman web www.frim.gov.my atau di facebook FRIM.